

Penipuan Bidaan di bawah Perintah Persaingan 2015

Dengan persaingan yang sihat, para peniaga bersaing secara bebas untuk menawarkan pilihan yang lebih banyak serta produk dan perkhidmatan yang berkualiti dengan harga yang berpatutan kepada para pengguna, termasuk pihak kerajaan dan peniaga lainnya. Organisasi awam dan swasta bergantung kepada proses tawaran tender yang kompetitif untuk mendapatkan manfaat-manfaat yang dinyatakan.

Prosedur tawaran tender direka bagi mewujudkan persaingan di mana ia mungkin tidak akan wujud pada awalnya. Walau bagaimanapun, manfaat persaingan hanya akan diperolehi apabila para peniaga menghantar tawaran tender secara jujur.

Penipuan bidaan, atau juga dikenali sebagai kolusif tender, berlaku apabila para peniaga bersepakat untuk menetapkan harga; mengurangkan kualiti produk atau perkhidmatan; atau menyelaras tawaran tender sesama sendiri bagi membolehkan salah seorang daripada mereka yang telah ditetapkan awal sebagai pemenang untuk 'memenangi' tawaran tender tersebut. Penipuan bidaan merujuk kepada perjanjian di antara beberapa atau semua peniaga untuk menghadkan atau menenyapkan persaingan di dalam proses tawaran tender.

Penipuan bidaan merupakan salah satu jenis kartel dan adalah menyalahi Perintah Persaingan 2015.

Penipuan bidaan boleh terjadi di dalam mana-mana pasaran yang mempunyai proses tawaran tender. Apabila para peniaga bersepakat, harga akan meningkat, pilihan akan berkurangan dan seterusnya pengguna akan menanggung akibatnya. Pengguna termasuk pihak kerajaan mempunyai risiko membeli barangan dan perkhidmatan pada harga yang tinggi dan tidak kompetitif. Ini boleh mengakibatkan pembaziran sumber kewangan kerajaan yang mana boleh digunakan untuk tujuan sosial yang bermanfaat. Oleh itu, adalah penting bagi para pegawai perolehan untuk menyedari akan kepentingan peranan masing-masing dalam mengesan dan menghalang penipuan bidaan, dan untuk sentiasa berwaspada terhadap potensi tanda-tanda persepakatan bagi memelihara proses perolehan yang kompetitif.



Tahukah Awda?

Menurut Pertubuhan *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD), usaha menentang penipuan bidaan melalui penambahbaikan prosedur perolehan telah menghasilkan penjimatan yang signifikan di beberapa buah negara:

- Jepun telah berhasil menjimatkan sehingga 20% bagi harga kontrak perolehan awam melalui pelaksanaan rebiu prosedur perolehan
- Penjimatan sebanyak 47% di dalam perolehan bagi beberapa barangan tentera di Colombia
- Penjimatan sebanyak 43% di dalam kos pembelian ubat-ubatan di Guatemala



سوروهنجاي قرسايغن بروني دارالسلام

SURUHANJAYA PERSAINGAN BRUNEI DARUSSALAM
COMPETITION COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM

Penipuan Bidaan

PERJANJIAN ANTI-PERSAINGAN

MEMAHAMI DAN MENGESAN PENIPUAN
BIDAAN DALAM PEROLEHAN AWAM

Bagi maklumat lanjut, hubungi kami di

Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Blok 2A, Tingkat 3, West Wing, Bilik 3.04,
Jalan Ong Sum Ping
Bandar Seri Begawan BA1311
Negara Brunei Darussalam

Telefon : (+673) 223 3344
Faks : (+673) 223 0203
Emel : brunei.competition@jpke.gov.bn
Laman sesawang : www.ccbd.gov.bn

Jenis-jenis Penipuan Bidaan

1. Pembidaan Melengkapi (juga dikenali sebagai Pembidaan Terselindung)



Penipuan bidaan yang sering berlaku di mana para peniaga bersepakat menghantar bidaan yang lebih tinggi atau kurang menepati terma berbanding bidaan "terpilih" iaitu peniaga yang telah ditetapkan untuk memenangi tawaran tender.

2. Bidaan Yang Menindas (juga dikenali sebagai Penarikan Balik Bidaan)

Apabila peniaga-peniaga yang berpotensi untuk menyertai proses tawaran tender bersepakat untuk tidak menghantar bidaan atau menarik balik bidaan yang telah dihantar agar peniaga yang telah ditetapkan memenangi tawaran tersebut.



3. Bidaan Secara Bergilir

Para peniaga mengambil giliran untuk memenangi proses tawaran tender dengan bersepakat mengenai siapa yang akan menghantar bidaan yang terendah. Dengan cara ini, para peniaga akan berkongsi keuntungan dari hasil kelakuan kartel tersebut.



4. Tender Sub-kontrak kepada pembida yang kalah dalam tawaran tender

Penipuan bidaan juga boleh terjadi apabila pemenang yang telah ditetapkan membuat perjanjian sub-kontrak dengan pembida yang kalah sebagai pertukaran bagi kemenangan tersebut.



Mengesan Penipuan Bidaan



Mengesan penipuan bidaan bukan mudah untuk dilaksanakan kerana perjanjian di kalangan para peniaga lazimnya dicapai secara rahsia. Namun, beberapa corak atau kelakuan bidaan yang mencurigakan mungkin menandakan wujudnya persepakatan. Oleh itu, adalah penting untuk sentiasa berwaspada terhadap perkara berikut:

1. Beberapa pembekal secara tiba-tiba menarik diri dari menyertai tawaran tender atau jumlah pembekal yang menghantar bidaan adalah kurang dari lazimnya
2. Beberapa syarikat seolah-olah secara bergilir-gilir memenangi tawaran tender
3. Beberapa syarikat tertentu sentiasa menyertai tawaran tender tetapi tidak pernah menang
4. Syarikat yang sama sentiasa menang atau kalah di dalam suatu proses tawaran tender
5. Syarikat tertentu menghantar tawaran tender dengan jumlah yang jauh lebih tinggi daripada syarikat-syarikat lain
6. Harga atau jurang harga tawaran tender yang diterima dari para peniaga meningkat secara tiba-tiba dan serentak dan tidak dapat dijelaskan dengan kenaikan kos
7. Kesalahan yang serupa dalam dokumen atau surat tawaran tender dari syarikat yang berlainan seperti kesilapan ejaan
8. Tawaran tender dari syarikat yang berlainan mempunyai kesalahan pengiraan yang serupa
9. Tawaran tender dari syarikat yang berlainan mempunyai jumlah anggaran kos yang serupa bagi barangan tertentu
10. Pembekal sering mengadakan aktiviti sosial atau perjumpaan rahsia sebelum menghantar tawaran tender
11. Beberapa syarikat membuat pertanyaan yang serupa kepada agensi perolehan atau menghantar tawaran tender / dokumen yang sama
12. Keterangan mencurigakan yang menandakan syarikat-syarikat telah mencapai persetujuan sesama sendiri

Namun, perlu diingat bahawa perkara-perkara seperti di atas tidak membuktikan wujudnya kelakuan persepakatan tetapi hanya merupakan penanda bagi memulakan siasatan lanjut.

Persepakatan boleh berlaku apabila...

1. Jumlah produk pembekal atau perkhidmatan adalah kecil
2. Pembidaan berlaku secara berulang
3. Produk yang standard
4. Produk tidak mudah untuk dicari substitut kerana spesifikasi yang terhad
5. Para peniaga mengenali sesama sendiri melalui persatuan perniagaan
6. Para peniaga menghantar tender tawaran dari tempat yang sama

Kolusif tender boleh berlaku di dalam mana-mana sektor, namun ia lebih cenderung untuk berlaku di dalam satu sektor berbanding yang lain tertakluk kepada ciri-ciri tertentu sektor atau produk yang terlibat, seperti yang dijelaskan di atas.

Apa yang boleh awda lakukan?

- ✓ Merebui dasar-dasar perolehan yang sedia ada khususnya syarat-syarat yang mungkin menggalakkan persepakatan untuk berlaku.
- ✓ Menjadi pro-kompetitif dalam menentukan keperluan dan syarat bagi tawaran tender.
- ✓ Meningkatkan jumlah para peniaga yang berpotensi untuk menyertai tawaran tender.
- ✓ Menyimpan semua dokumen berkaitan dengan tawaran tender dan merahsiakan daripada para peniaga yang ikut tawaran tender mengenai aduan yang telah dibuat terhadap mereka.
- ✓ Laporkan aduan kepada Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna jika awda mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa penipuan bidaan telah berlaku atau akan berlaku.